

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGlima HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah Kementerian telah mengenalpasti pasaran baru untuk komoditi kelapa sawit dan sejauh manakah kejayaan dalam menembusi pasaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk yang sepatutnya dijawab pada 4 April 2019 yang juga menyentuh mengenai pasaran baharu yang diterokai bagi memasarkan minyak sawit negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran-pasaran baharu yang berpotensi bagi minyak sawit Malaysia yang dikenalpasti adalah di rantau Asia Tenggara, Afrika dan Asia Tengah. Antara negara pengimport baharu minyak sawit Malaysia adalah Filipina dan Vietnam. Dengan pertambahan populasi dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara tersebut, ianya akan memberi kesan positif terhadap pengeksporan produk minyak sawit Malaysia. Hasil misi Kementerian yang telah dilaksanakan pada 2017 telah menunjukkan impak positif dimana eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia ke Filipina telah meningkat sebanyak 0.8% kepada 838,440 tan pada 2018 berbanding 831,580 tan pada tahun 2017.

Di benua Afrika khususnya, Kerajaan telah mengenal pasti potensi pasaran

SOALAN NO : 11

baharu seperti di Mesir dan Maghribi. Dalam hubungan ini, satu Misi Ekonomi dan Pelaburan ke Mesir dan Maghribi yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Industri Utama telah diadakan pada 22 hingga 24 September 2018. Misi ini telah berjaya mengukuhkan peluang pasaran dan pelaburan terutamanya dalam sektor komoditi. Hasil daripada misi tersebut, Mesir dan Maghribi yang merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah telah menunjukkan minat dan reaksi positif untuk mengimport minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, pasaran baharu seperti Tunisia dan Libya juga akan dapat ditembusi melalui Maghribi. Selanjutnya, Kementerian juga melihat peluang yang besar di Negara Benin yang mana pada tahun lepas telah mengimport minyak sawit negara hampir 240,000 tan.

Turki juga merupakan salah satu pasaran berpotensi. Hasil Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement - FTA*) Malaysia dan Turki, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat sebanyak 5.7% kepada 975,960 tan pada 2018 berbanding 922,690 tan pada tahun 2017. Bagi memperkukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia ke negara tersebut, Kementerian telah mengadakan Misi Ekonomi, Promosi Dan Pelaburan Sawit, Getah Dan Kayu-Kayan Ke Turki yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Industri Utama pada 23 hingga 26 Januari 2019 . Dalam misi tersebut, beberapa pertemuan dengan wakil pengimport dan pembekal minyak sawit Malaysia di Turki diadakan untuk memupuk kerjasama yang lebih erat bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pembekal utama minyak sawit ke Turki.

Selain itu, rantau Asia Tengah juga merupakan antara pasaran baharu minyak sawit Malaysia. Negara-negara seperti Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan dan Tajikistan telah mula mengimport produk minyak sawit dari Malaysia. Pada tahun 2018, Malaysia telah mengeksport 81,773.20 tan minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara di rantau Asia Tengah iaitu peningkatan 1.7% berbanding 80,431.39 tan yang dieksport pada tahun 2017.

Di rantau Asia Selatan pula, Sri Lanka adalah pasaran baharu yang berpotensi untuk diterokai dan ditingkatkan terutamanya dalam industri minyak dan lemak serta industri makanan. In shaa Allah, Kementerian akan mengadakan *Palm Oil Trade Fair & Seminars (POTS)* di Jeddah pada 24 dan 25 April 2019 yang akan datang dalam usaha Kementerian untuk melebarkan pasaran kita ke timur tengah khususnya Arab Saudi.